

PELAKSANAAN PDP BERASASKAN METODE PENDIDIKAN RASULULLAH SAW DALAM KALANGAN GURU SRAJAIM DI MELAKA

THE IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING BASED ON THE PROPHETIC EDUCATIONAL METHOD AMONG SRA JAIM TEACHERS IN MELAKA

Nur 'Ainussabi'ah Mohammad Sulaiman ¹,
Noor Aziera Mohamad Rohana ^{2*}
Asma' Wardah Surtahman ³
Abdul Qayyum bin Abdul Razak ⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka,
(E-mail: 2022295506@student.uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka,
(Email: aziera7863@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka,
(E-mail: asmawardah@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka,
(E-mail: qayyum@uitm.edu.my)

*Corresponding author: aziera7863@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohammad Sulaiman, N. A., Mohamad Rohana, N. A., Surtahman, A. W., & Abdul Razak, A. Q. (2025). Pelaksanaan PDP berasaskan metode pendidikan Rasulullah SAW dalam kalangan guru SRAJAIM di Melaka. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 634 - 646.

Abstrak: Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk generasi Muslim yang berilmu dan berakhlak. Kajian ini bertujuan (i) meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM di Melaka berdasarkan metode pendidikan Rasulullah SAW, dan (ii) mengenal pasti relevansi pendekatan tersebut dalam konteks pendidikan semasa. Pendekatan kualitatif digunakan melalui temu bual berfokus (FGD) melibatkan 40 orang guru dan pentadbir. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru mengamalkan kaedah talaqqi, soal jawab, penyampaian bertahap (tadrij) dan motivasi targhib wa tarhib dalam PdP sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Cabaran utama termasuk kekangan masa, kekurangan latihan khusus serta isu capaian dan peranti semasa PdP dalam talian berlangsung. Kajian mencadangkan agar latihan berstruktur dan pembangunan modul berdasarkan pendekatan Rasulullah SAW diberi keutamaan. Pelaksanaan metode ini dilihat mampu menyumbang kepada pembentukan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani dan sahsiah selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, metode Rasulullah, pengajaran dan pembelajaran, SRAJAIM.

Abstract: *Islamic education plays a vital role in shaping a knowledgeable and morally upright Muslim generation. This study aims to (i) examine the implementation of teaching and learning (T&L) by teachers at Sekolah Rendah Agama (SRA) under JAIM in Melaka based on the educational methods of the Prophet Muhammad (PBUH), and (ii) identify the relevance of these approaches within the context of contemporary education. A qualitative approach was employed through focused group discussions (FGDs) involving 40 teachers and administrators. The findings indicate that the teachers adopt methods such as talaqqi (direct transmission), questioning and answering, gradual instruction (tadrij), and motivational strategies (targhib wa tarhib) in both face-to-face and online settings. The main challenges include time constraints, lack of specialised training, and issues related to device accessibility and internet connectivity during online sessions. The study recommends prioritising structured training and the development of modules grounded in the Prophet's educational approach. The implementation of these methods is seen as contributing significantly to the development of holistic human capital (intellectually, spiritually, and morally) in line with the demands of 21st-century education.*

Keywords: *Islamic Education, Prophetic Method, Teaching and Learning, SRA JAIM.*

Pengenalan

Pendidikan merupakan teras utama pembangunan modal insan berdaya saing dan berakhlak mulia. Dalam konteks pendidikan Islam, Rasulullah SAW merupakan model terbaik sebagai pendidik agung yang menggabungkan pendekatan intelektual dan pembentukan sahsiah. Metode PdP berasaskan sunnah Baginda Rasulullah SAW menjadi pendekatan penting dalam menjana keintelektualan dan pembentukan sahsiah murid. Baginda SAW bukan sahaja pendidik yang agung, malah memperkenalkan pelbagai pendekatan dalam menyampaikan ilmu kepada para sahabat dan masyarakat. Pendekatan ini merangkumi kaedah pengajaran secara lisan, amali, perbincangan, bimbingan serta tauladan yang menjadi asas kepada sistem pendidikan Islam.

Metode pendidikan Rasulullah SAW telah terbukti sebagai pendekatan yang menyeluruh dan berkesan sepanjang zaman dalam membentuk generasi berakhlak dan berilmu. Pendidikan Islam berperanan sebagai instrumen utama dalam pembangunan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan sosial. Di Malaysia, Sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri merupakan institusi penting dalam menyampaikan pendidikan Islam yang berteraskan nilai dan akhlak. Di Melaka, SRA dikelola oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang berperanan ke arah memperkukuh asas keimanan dan sahsiah murid sejak peringkat rendah.

Kaedah-kaedah dalam sesi PdP seperti talaqqi, soal jawab, motivasi targhib wa tarhib, penyampaian bertahap (tadrij), dan qudwah hasanah merupakan strategi pendidikan yang bukan sahaja praktikal tetapi juga fleksibel untuk diaplikasikan dalam pelbagai situasi termasuklah PdP sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Pendekatan ini turut selari dengan prinsip pendidikan dalam Islam yang memberi penekanan kepada pembangunan holistik insan secara bersepadu dengan penekanan elemen tarbiyyah, ta'dib dan ta'lim dalam kehidupan murid (Momen, 2024).

Objektif kajian ini adalah:

1. Meninjau pelaksanaan PdP dalam kalangan guru SRA JAIM berdasarkan metode pendidikan Rasulullah SAW.
2. Mengenal pasti relevansi pendekatan tersebut dalam konteks pendidikan semasa.

Seiring dengan tuntutan pendidikan abad ke-21, guru-guru SRA tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran melaksanakan proses PdP meliputi kaedah penyampaian kurikulum serta pembinaan nilai dan akhlak murni dalam diri murid. Ini kerana, keberkesanan penghayatan ilmu yang disampaikan guru bergantung kepada kaedah atau pedagogi yang membentuk asas terhadap kualiti PdP guru merangkumi prinsip, teknik dan juga proses pengajaran. Proses PdP yang sistematik, menarik dan relevan dapat memastikan murid terlibat secara aktif dan termotivasi sepanjang sesi pembelajaran (Rohana et al., 2024).

Kajian Literatur

Kaedah Pendidikan Rasulullah SAW

Pendidikan akhlak merupakan salah satu matlamat pendidikan dalam Islam yang bermatlamat untuk melahirkan generasi yang tunduk dan patuh dan taat beribadat kepada Allah SWT demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Intipati pendidikan dan pengetahuan terhadap akhlak adalah membezakan di antara perkara baik dan buruk, menggalakkan manusia konsisten dalam melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan sehingga mampu mewujudkan sistem sosial kehidupan masyarakat yang harmoni (Mat Daud, Ahmad Yusuf & Abdul Kadir, 2020).

Sejarah mencatatkan perkembangan pendidikan Islam telah bermula sejak Nabi Muhammad SAW berada di Mekah sekitar abad ketujuh Masihi lagi dengan pusat dikenali sebagai kuttab dan Dar al-Arqam (Sabil Mokodenseho et al., 2024). Pelbagai cabaran dihadapi Rasulullah dan para sahabat untuk menyampaikan pendidikan agama kepada masyarakat Arab. Rasulullah merupakan ikutan terbaik dalam pelbagai bidang, iaitu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Dalam aspek pendidikan, Baginda menggunakan pelbagai kaedah menyampaikan ilmu agama Islam supaya umat Baginda dapat memahami dan menghayati urusan kehidupan harian.

Kajian mengenai pendidikan Rasulullah SAW telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji awal. Sebagai contoh, menurut Asik Ev (2017) pemahaman kepada pendidikan dan aktiviti Rasulullah SAW ialah suatu aspek penting memandangkan teknik pengajaran Rasulullah SAW ialah teknik pengajaran berterusan yang dinamik dan praktikal membentuk teras pendidikan Islam untuk generasi umat Islam. Asik Ev menyatakan Rasulullah SAW menggunakan metod penceritaan melalui teknik kisah-kisah, contoh tauladan, perbandingan dan penjelasan. Metod kedua ialah pemerhatian, ketiga ialah menunjukkan demonstrasi kepada para pelajar, keempat soal-jawab, kelima amalan praktikal dan pengalaman.

Manakala, Abu Ghuddah (2001) pula menyatakan bahawa baginda Nabi Muhammad SAW mengaplikasi pelbagai kaedah seperti diskusi, tanya jawab, logik, nasihat, kisah dan keteladanan. Menurut Abu Ghuddah lagi metod yang digunakan Rasulullah SAW walaupun telah mendahului 1400 tahun yang dulu, namun ia masih lagi relevan untuk diaplikasikan pada hari ini. Berkenaan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah SAW menurut kajian Hashim (2008) menunjukkan bahawa pendekatan Rasulullah SAW wujud dalam pelbagai cara, iaitu qudwah hasanah (contoh ikutan), kaedah soal jawab, syarahan, halaqah,

menggunakan sumber pengajaran (alat), menggunakan contoh, bercerita, penyelesaian masalah dan demonstrasi. Tambahan, Rasulullah SAW menyusun semula pengajian dalam tiga bentuk iaitu, secara umum iaitu seperti khutbah solat, kedua khusus kepada individu tertentu dan ketiga institusi seperti kepada kanan-kanak di al-Suffah.

Justeru peranan Rasulullah sebagai seorang guru dan perubah kepada umat Islam dan khususnya pada para sahabat memberi kesan yang mendalam kepada para sahabat. Karakter seperti mempunyai budi pekerti yang mulia, cerdas dan amanah ialah syarat persediaan seorang pendidik yang berkesan. Menurut Zulherma, Tafiati, Sumiarti & Wendry (2021), pendidikan Rasulullah SAW berjaya membentuk para sahabat RA sebagai manusia yang diredhai Allah SWT. Antara kesan refleksi pendidikan Rasulullah kepada sahabat ialah Saidina Abu Bakar yang menjadi khalifah, mengumpul al-Quran, tegas dalam kepimpinan dan lain-lain. Selain itu, Khalifah 'Umar al-Khattab pula berjaya menguasai dan memperluas wilayah Islam hingga ke negeri Syam dan Parsi dan sebagainya. Refleksi kejayaan sahabat ini pastinya datang dari keperibadian pendidiknya yang mengagumkan. Ia dapat dicerminkan kepada prestasi para sahabat RA.

Seterusnya, kajian Zhahir (2020) dalam bukunya menulis bahawa terdapat 36 kaedah mengajar yang diamalkan Rasulullah SAW. Antaranya mengajar di setiap kesempatan yang tepat, mengajar berbagai kalangan, memanfaatkan setiap kesempatan, menggunakan isyarat, metode bertanya, toleransi dengan pertanyaan, menjawab lebih dari yang ditanya, tawadhu', lemah lembut dalam mengajar, memuji pertanyaan yang bagus, diskusi, kinayah (kiasan), membuat perumpamaan, menggunakan gambar dan bentuk dan sebagainya.

Secara kesimpulannya, pelbagai kaedah pengajaran Rasulullah SAW digunakan mengikut kesesuaian masa, tempat dan keadaan. Tujuannya ialah untuk mengajar dan menyampaikan risalah al-Quran dan agama dengan sebaiknya.

Kurikulum SRAJAIM

Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (SRAJAIM) merupakan institusi pendidikan yang penting dalam menyampaikan pendidikan Islam di negeri Melaka. SRAJAIM berperanan besar dalam membentuk asas pendidikan agama bagi murid di peringkat rendah. Institusi ini diwujudkan untuk memperkukuh pendidikan Islam melalui pendekatan holistik yang mengintegrasikan ilmu agama dengan nilai-nilai moral yang tinggi serta memberikan murid asas yang kukuh dalam memahami ajaran Islam.

Sistem pendidikan di SRA JAIM merangkumi subjek-subjek asas seperti Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, Jawi dan Khat, Bahasa Arab dan Tahfiz Al-Quran. Pembelajaran di SRAJAIM juga memberi penekanan kepada penghafalan al-Quran yang merupakan elemen penting dalam memastikan murid memahami kandungan dan makna kitab suci tersebut. Pendekatan ini selari dengan objektif Bahagian Pendidikan, JAIM dalam menyediakan sistem pendidikan agama yang dapat melahirkan ummah yang bertakwa dan berakhlak mulia.

Di Melaka, terdapat sebanyak 192 buah sekolah yang terletak di 3 buah daerah iaitu 88 buah SRA di Daerah Melaka Tengah, 58 buah SRA di Daerah Alor Gajah dan 46 buah SRA di Daerah Jasin. Jumlah keseluruhan guru SRA JAIM adalah seramai 1492 orang (IEMS, 2024).

Kurikulum JAIM dilaksanakan berpandukan sukatan pelajaran yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM ialah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam di peringkat nasional. Agensi ini memainkan peranan penting dalam menyelaras dan mengurus pelbagai aspek

berkaitan agama Islam di Malaysia, termasuk bidang pendidikan. Bahagian Pendidikan JAKIM bertanggungjawab dalam merancang dan membangunkan kurikulum pendidikan Islam, termasuk bagi Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2024).

Pendidikan KAFA adalah satu usaha berterusan berasaskan al-Quran dan Hadis berteraskan ajaran ahli sunnah wal jamaah untuk membentuk generasi Khaira Ummah yang bertanggungjawab membangun diri, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Pendidikan KAFA mempunyai matlamat dalam melahirkan insan muslim yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak mulia. Matlamat ini selari dengan objektif kurikulum KAFA untuk melahirkan generasi yang berpegang kepada akidah ahli sunnah wal jamaah serta mengamalkan ilmu yang dipelajari secara istiqamah di dalam kehidupan seharian (Bahagian Pendidikan JAKIM, 2019).

Kurikulum ini mementingkan penerapan nilai kepada murid untuk tujuan menanam kesedaran, kesefahaman, keyakinan dan kesyukuran melalui sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Antara objektif penerapan nilai ialah menanam dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, mengamalkan kebaikan dan membenci keburukan serta membentuk sifat positif dan berguna kepada agama dan bangsa. Sekolah dan guru juga memainkan peranan penting dalam pembangunan nilai murid menerusi penerapan nilai.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan literature dan temu bual berkumpulan. Sumber data utama terdiri daripada jurnal akademik, buku, tesis, dan artikel sekitar tahun 2014 sehingga 2024 berkaitan metode pendidikan Rasulullah SAW serta pelaksanaannya dalam sistem pendidikan Islam. Selain itu, temu bual secara berfokus (FGD) turut dijalankan melibatkan seramai 40 orang guru-guru dan pengurusan SRAJAIM yang dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan pentadbir di peringkat jabatan, kumpulan pengurusan sekolah yang terdiri daripada Guru Besar dan guru-guru daripada tiga daerah berbeza, iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Temu bual berfokus dilakukan dengan menggunakan kaedah ARC iaitu, Ask, Record dan Confirm melibatkan pengkaji dan informan. Kaedah ARC digunakan sebagai pendekatan validasi data kajian ini (Zairul, 2021). Hasil temu bual ditranskripsi ke bahan bertulis untuk memudahkan proses analisis data kajian. Data kajian dianalisis menggunakan perisian NVIVO bagi menentukan tema yang bersesuaian. Hasil analisis memberikan gambaran menyeluruh mengenai kesesuaian pendekatan metod Rasulullah SAW dalam pendidikan sama ada secara bersemuka atau dalam talian, namun keberkesanan serta cabaran mengaplikasikan metode pendidikan Rasulullah SAW dalam PdP pada abad ke-21 ini perlu diberi perhatian memandangkan pelaksanaannya yang tidak bertentangan secara langsung semasa sesi PdP dijalankan.

Dapatan kajian dan perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa guru-guru SRAJAIM telah mengadaptasi pelaksanaan PdP berteraskan metode pendidikan Rasulullah SAW dalam beberapa seperti kaedah talaqqi, soal jawab dan pendekatan *tadrij*.

Talaqqi dan mushafahah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru SRAJAIM mengaplikasikan beberapa metode pendidikan Rasulullah SAW, antaranya penggunaan kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* dalam pengajaran al-Quran. Kaedah ini menekankan interaksi langsung antara guru dan murid

melalui bacaan berulang serta pembetulan sebutan secara terus, sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik para sahabat.

Hasil temu bual bersama Informan 1 dan 4 pada 25 Oktober 2024 menunjukkan bahawa kaedah *talaqqi* dianggap sebagai keutamaan dalam pengajaran subjek agama, terutamanya dalam memastikan ketepatan sebutan dan pemahaman murid. Informan 1 menegaskan bahawa “*jika mengikut model pendidikan Rasulullah memang secara bersemuka*”, manakala Informan 4 menambah bahawa “*kami menggunakan konsep talaqqi... lebih baik kita jumpa murid bersemuka*”. Kenyataan ini menjelaskan bahawa guru-guru menekankan kelebihan interaksi langsung dalam memastikan keberkesanan proses penyampaian ilmu.

Walau bagaimanapun, para guru turut menyedari realiti semasa yang mungkin akan berlaku dan memerlukan penyesuaian kaedah, khususnya dalam situasi seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, meski pun *talaqqi* secara bersemuka dilihat sebagai ideal, mereka tidak menolak kemungkinan adaptasi *talaqqi* dalam talian sekiranya diperlukan, selagi prinsip asas interaksi dan bimbingan masih dapat dikekalkan. Situasi ini antaranya telah dilaksanakan oleh FGD2.7 di mana pembelajaran al-Quran secara dalam talian menggunakan Google Meet dilakukan dengan memperdengarkan dahulu bacaan kepada murid-murid.

Keadaan ini bertentangan dengan pandangan daripada FGD3.15 yang menegaskan bahawa pendidikan Rasulullah SAW adalah secara bersemuka, iaitu *talaqqi* yang memerlukan murid bersemuka dengan guru. Ini kerana proses *talaqqi* dalam talian boleh dipengaruhi oleh faktor capaian internet yang lemah, kekurangan peranti dan penerangan guru yang kurang difahami oleh murid.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa kaedah *talaqqi* masih dianggap paling berkesan dalam PdP al-Quran, namun perlukan sokongan teknologi, latihan dan penyesuaian kreatif oleh guru jika dilaksanakan dalam talian. Perkara ini mencerminkan bahawa pendekatan Rasulullah SAW bersifat anjal dan tetap relevan dalam pelbagai medium penyampaian. *Talaqqi* secara bersemuka masih dianggap paling berkesan, namun guru turut menyesuaikan strategi bagi pembelajaran dalam talian.

Soal jawab

Hasil dapatan menunjukkan guru-guru SRAJAIM secara aktif mengaplikasikan kaedah soal jawab yang berfungsi sebagai mekanisme untuk merangsang pemikiran kritis serta memastikan pemahaman murid terhadap konsep pembelajaran. Kaedah ini diaplikasikan dalam sesi PdP secara bersemuka dan juga dalam talian. Pelaksanaan teknik soal jawab ini bukan sahaja menarik minat murid, malah dapat meningkatkan fokus dan tumpuan sepanjang sesi pembelajaran berlangsung (Saaran, 2020).

Pendekatan ini turut mencontohi metode pengajaran Rasulullah SAW yang sering menggunakan pertanyaan sebagai alat komunikasi dakwah dan pendidikan. Sebagai contoh kisah seseorang lelaki yang memohon kepada Baginda SAW untuk berzina, lalu Baginda bertanya, “*Apa kau ingin zina itu terjadi kepada ibumu?*”, “*Apakah kau ingin zina itu terjadi kepada saudara-saudara perempuanmu?*”, “*Apakah kau ingin zina itu terjadi kepada saudara-saudara perempuan bapamu?*” dan “*Apakah kau ingin zina itu terjadi kepada saudara-saudara perempuan ibumu?*”. Persoalan-persoalan yang ditanyakan kepada lelaki tersebut menyebabkan lelaki tersebut sedar tentang perkara yang tidak baik dan wajib

ditinggalkan (Saaran, R., 2020). Ini menunjukkan bahawa teknik soal jawab bukanlah sekadar alat pedagogi moden, tetapi berakar dalam sunnah pendidikan Islam.

Dalam konteks pengajaran semasa tempoh PKP, guru-guru SRAJAIM menyesuaikan kaedah ini dengan memanfaatkan platform digital seperti *Google Form*, *Quizizz* serta lembaran kerja melalui aplikasi *WhatsApp*. FGD2.6 menjelaskan bahawa, “*Semasa PdP dalam talian, antara pengukuran keberkesanan pelajaran dilakukan melalui aktiviti dalam google form, quiziz, modul dan juga lembaran kerja di whatsapp dengan penandaan direct.*” Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan kaedah ini bergantung kepada tahap literasi digital guru dan murid serta kesediaan mereka dari segi peranti dan capaian internet.

Beberapa informan turut menyatakan bahawa penilaian kefahaman murid secara menyeluruh agak mencabar apabila proses soal jawab dilaksanakan secara dalam talian berbanding interaksi lisan bersemuka yang lebih spontan dan mendalam. Kurangnya spontaniti dan keterbatasan reaksi murid menyebabkan interaksi menjadi sehalu. FGD3.13 menyatakan: “*Murid lambat respon, kadang-kadang ibu bapa yang jawab soalan.*” Ini menunjukkan bahawa walaupun kaedah soal jawab berkesan secara bersemuka, ia memerlukan strategi pengayaan apabila dilaksanakan dalam talian seperti aktiviti interaktif atau kuiz berbentuk gamifikasi.

Secara keseluruhan, pendekatan soal jawab masih kekal sebagai strategi penting dalam PdP SRAJAIM. Ia bukan sahaja sejajar dengan pendekatan Rasulullah SAW, tetapi juga berpotensi mendidik murid secara kognitif dan moral, asalkan disesuaikan dengan konteks dan kemampuan teknologi semasa.

Motivasi *targhib wa tarhib*

Motivasi merupakan alat yang berfungsi sebagai penggerak atau pemangkin diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi boleh hadir dalam diri seseorang secara semula jadi atau digerakkan oleh individu lain. Motivasi bertindak sebagai ejen penggerak perubahan individu (Saaran, R., 2020). Strategi motivasi melalui pendekatan *targhib wa tarhib* turut diaplikasikan bagi menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran. Murid diberikan penghargaan dan galakan apabila mencapai sesuatu tahap pembelajaran, sementara teguran secara berhemah digunakan bagi membetulkan kesalahan yang dilakukan.

Pengajaran guru-guru SRAJAIM tidak hanya tertumpu kepada penyampaian ilmu secara kognitif, bahkan turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan sahsiah dan motivasi murid. Hal ini selaras dengan pendekatan pendidikan Rasulullah SAW yang menggabungkan unsur ilmu, nilai dan pembinaan akhlak dalam setiap aspek pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru berusaha menggalakkan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran dengan memberi ruang untuk mereka bertanya, menjawab soalan dan menyertai aktiviti secara langsung. Kaedah ini bertujuan menimbulkan minat murid terhadap subjek agama serta mengelakkan sikap pasif. Informan FGD2.6 menyatakan, “*Saya memberi sijil penghargaan secara softcopy kepada murid bagi menggalakkan mereka bersungguh-sungguh dalam pelajaran.*” Kaedah ini juga dilakukan oleh FGD2.14, “*Saya memberi sijil softcopy untuk menarik minat murid.*”

Pendekatan ini berakar umbi daripada sunnah Rasulullah SAW yang menyeimbangkan antara janji ganjaran dan peringatan dalam menyampaikan mesej Islam. Saaran (2020) menegaskan bahawa pendekatan *targhib wa tarhib* merupakan asas kepada pembentukan tingkah laku

pelajar kerana ia menjadikan murid lebih bertanggungjawab, terdorong dan sedar tentang akibat perbuatan. Rasulullah SAW sentiasa memberi penghargaan kepada sahabat yang menunjukkan kesungguhan dalam menuntut ilmu, di samping memberi teguran dengan hikmah kepada yang tersilap.

Penyampaian bertahap (*tadrij*)

Kaedah *tadrij*, iaitu penyampaian ilmu secara berperingkat, dikenal pasti sebagai antara pendekatan utama guru SRA JAIM dalam menyusun PdP. Metode *tadrij* atau disebut juga sebagai *al-tadarruj* merujuk kepada proses perpindahan yang dilakukan secara bertahap atau setapak demi setapak atau sedikit demi sedikit. Metode ini memerlukan proses pembelajaran dilakukan secara perlahan-lahan dan tidak tergesa-gesa bagi mencapai objektif pembelajaran (Astuti, Y.T., 2025). Guru menekankan bahawa murid perlu diberi kefahaman asas terlebih dahulu sebelum dibawa kepada topik lanjutan. Menurut FGD1: “*Kita ajar asas dulu, lepas tu baru naikan tahap ikut kebolehan murid.*”

Konsep *tadrij* telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan wahyu secara berperingkat selama 23 tahun. Ia membantu sahabat memahami dan menyesuaikan diri dengan ajaran Islam secara berfasa dan mendalam. Abu Ghuddah (2001) menyatakan bahawa pendekatan bertahap ini membentuk asas pedagogi Islam yang bersifat rahmah, sabar dan menyesuaikan kandungan dengan keupayaan murid. Kajian juga mendapati bahawa kaedah penyampaian secara bertahap (*tadrij*) telah diamalkan dalam PdP bagi memudahkan pemahaman murid. Guru-guru menggunakan pendekatan ini dengan mengajar konsep-konsep asas terlebih dahulu sebelum memperkenalkan kandungan yang lebih kompleks.

Dalam konteks PdP dalam talian, guru menghadapi cabaran apabila keupayaan murid sukar dinilai secara langsung. Ada murid yang tertinggal kerana tidak dapat mengikuti rentak PdP akibat masalah peranti atau tidak hadir semasa sesi. Oleh itu, guru cuba menyusun semula pelajaran dalam bentuk modul berfasa atau menggunakan pendekatan pemulihan digital. Namun begitu, kesan sebenar sukar diukur tanpa interaksi langsung. Pendekatan *tadrij* dalam PdP Islam terbukti sangat berguna terutamanya untuk murid pelbagai tahap, tetapi memerlukan lebih banyak sokongan sistem dan masa agar guru dapat menyesuaikan isi pembelajaran mengikut perkembangan sebenar murid.

Strategi galakan dan pujian menjadi salah satu pendekatan motivasi murid-murid dalam menjayakan kaedah ini. Penghargaan diberikan apabila murid menunjukkan usaha, menjawab dengan betul atau memperbaiki kesilapan mereka. Menurut Informan 5, “*Kadang-kadang murid malu. Tapi bila kita puji, dia makin yakin nak jawab.*” Amalan ini mencerminkan ajaran Rasulullah SAW yang sering memberi kata-kata positif dan pengiktirafan kepada para sahabat atas usaha mereka dalam menuntut ilmu, seperti sabda Baginda SAW:

“*Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.*”

(Riwayat al-Bukhari)

Apabila berlaku kesilapan atau kecuai dalam pembelajaran, guru-guru tidak menggunakan pendekatan yang keras atau memperlekeh murid secara terbuka. Sebaliknya, mereka mengamalkan teguran secara berhemah, sama ada melalui pendekatan individu atau bahasa yang lembut dan membina. Ini bertujuan mengelakkan murid merasa malu atau tercabar secara negatif. Informan 1 menjelaskan, “*Kalau murid buat salah, kita tegur elok-elok. Biar dia faham, bukan takut.*”

Pendekatan ini seiring dengan prinsip pendidikan berasaskan rahmah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang sentiasa bersabar dan lembut dalam membimbing para sahabat. Misalnya, dalam peristiwa seorang Badwi yang kencing di masjid, Baginda SAW tidak memarahi lelaki tersebut, sebaliknya menegur dengan hikmah dan menerangkan adab dengan penuh kasih sayang. Ini membuktikan bahawa bimbingan yang bersifat membina dan tidak menghukum lebih berkesan dalam membentuk sahsiah serta memperkukuhkan kefahaman agama.

Cabaran PdP guru-guru SRAJAIM

Beberapa guru meluahkan cabaran dalam melaksanakan pendekatan Rasulullah SAW secara dalam talian, termasuk isu literasi digital, kekurangan kemudahan teknologi serta waktu PdP yang terhad. Hal ini menjejaskan keberkesanan penyampaian nilai dan pengukuhan akhlak seperti yang ditekankan dalam pendidikan Rasulullah SAW. Tambahan pula, guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian dan mengambil masa untuk menyemak tugas murid secara manual.

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran dalam pelaksanaan metode pendidikan Rasulullah SAW dalam PdP di SRAJAIM. Antara cabaran utama ialah jurang digital dalam kalangan guru dan murid, terutama semasa pelaksanaan PdP dalam talian. Beberapa guru yang terlibat dalam sesi FGD menyatakan kekangan dari segi kemudahan peranti, tahap celik ICT, dan capaian internet, khususnya bagi yang tinggal di kawasan luar bandar.

FGD2.14 menyebut: “*Ada guru tiada laptop, guna WhatsApp saja... ada yang baru belajar guna Google Meet masa PKP.*” Keadaan ini menyukarkan pelaksanaan kaedah interaktif seperti *talaqqi* secara maya yang memerlukan audio jelas dan maklum balas segera. Walaupun majoriti guru memahami konsep asas metode Rasulullah SAW, terdapat kekangan dalam pelaksanaannya akibat keterbatasan masa PdP yang singkat serta keperluan untuk menyesuaikan kaedah tradisional ini dengan teknologi pendidikan semasa.

FGD2.13 menambah cabaran ini juga dihadapi dalam kalangan murid di mana terdapat murid yang terpaksa berkongsi peranti bersama adik-beradik yang ramai. Ibu bapa bekerja dan menempatkan anak-anak bersama keluarga di kampung juga menjadi punca pembelajaran sukar dilaksanakan dengan sempurna. FGD3.13 mengukuhkan lagi penglibatan murid juga kurang memuaskan kerana ketiadaan peranti yang mencukupi menyebabkan murid tidak dapat menyertai sesi PdP apabila ibu bapa bekerja. Justeru, pembelajaran berisiko kurang berkesan di atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Kekangan yang ada ini membataskan nilai pendidikan Rasulullah SAW yang mementingkan hubungan *murabbi* dan *mutaallim* yang bersifat teliti dan terperinci.

Jadual 1: Pelaksanaan PdP Fizikal dan Dalam Talian oleh Guru SRA JAIM Berasaskan Metode Rasulullah SAW

Metode Pendidikan Rasulullah SAW	Fizikal	Dalam talian	Cabaran
Talaqqi dan Mushafahah	Talaqqi dan Mushafahah	Bacaan al-Quran bersemuka dan pembetulan	Audio tak jelas. Capaian internet lemah
Soal Jawab	Sesi diskusi, pertanyaan langsung	<i>Google Form, WhatsApp, Quizizz</i>	Kurang spontaniti, tiada respon

Tarhib wa Tarhib	Ganjaran dan teguran membina	Sijil digital, pesanan motivasi	Kurang kesan emosi
Tadrij (berperingkat)	Topik asas ke lanjutan secara berfasa	Modul digital bertema	Sukar nilai keberkesanan

Rajah 1 berikut merumuskan pelaksanaan kaedah PdP Rasulullah SAW oleh guru-guru SRA JAIM dalam dua konteks pelaksanaan, iaitu secara fizikal dan dalam talian, serta cabaran yang dihadapi dalam setiap kaedah.

Implikasi dan inisiatif pemerkasaan

Guru menunjukkan minat tinggi untuk mengaplikasikan pendekatan sunnah dalam PdP, namun latihan atau modul khusus perlu diperbanyakkan penganjurannya secara berterusan dan sistematik. Ini menunjukkan keperluan pembangunan profesional guru secara berstruktur untuk memastikan kesinambungan dan ketekalan pendekatan PdP berdasarkan Rasulullah SAW. Kajian mencadangkan agar pihak JAIM dan institusi berkaitan membangunkan modul latihan khas berasaskan pendekatan Rasulullah, termasuk pendekatan dalam talian dan fizikal dengan kerjasama daripada institusi-institusi atau agensi bersesuaian dalam memastikan pendekatan pendidikan Rasulullah SAW jelas dan dilihat relevan sepanjang zaman.

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan Islam, khususnya di peringkat SRA. Antaranya implikasi terhadap guru, dapatan kajian menunjukkan keperluan untuk membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan metode Rasulullah SAW yang bersifat sistematik dan tersusun. Modul ini harus merangkumi panduan praktikal yang boleh diaplikasikan dalam konteks bersemuka dan dalam talian agar guru dapat melaksanakan PdP dengan lebih berkesan, berpaksikan nilai-nilai tarbiah Islam yang autentik.

Implikasi terhadap kumpulan pentadbir dan jabatan pendidikan Islam, latihan berterusan perlu diberi kepada guru-guru, khususnya dalam aspek penguasaan pendekatan PdP serta penggunaan teknologi secara bijaksana. Latihan ini juga harus menyentuh aspek pedagogi Islam kontemporari agar guru bersedia menghadapi cabaran PdP dalam pelbagai medium dan situasi, manakala kepada pembuat dasar dan pihak berautoriti seperti JAKIM dan JAIM disarankan untuk menyelaraskan perancangan latihan dan pembangunan profesional guru dengan nilai-nilai pedagogi Rasulullah SAW. Ini termasuk memperkenalkan dasar latihan berfasa yang menyepadukan elemen sunnah dalam pembangunan kurikulum, metodologi PdP dan penggunaan teknologi pendidikan Islam.

Potensi Modal Insan berasaskan metode pendidikan Rasulullah SAW

Secara keseluruhannya, pendekatan guru-guru SRA JAIM dalam menggalakkan penglibatan aktif serta membina sahsiah murid sama ada secara fizikal mahu pun dalam talian bukan sahaja menepati metode pendidikan Rasulullah SAW, malah mencerminkan kesepaduan dengan pedagogi moden. Ini meletakkan mereka bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, malah sebagai *murabbi* yang membimbing secara holistik menyentuh aspek intelek, emosi, rohani dan sosial murid. Umumnya guru berperanan sebagai *murabbi*, *muallim* dan *muaddib* yang menekankan pembangunan akhlak dalam diri. Guru disanjung kerana ilmu dan menjadi contoh ikutan kepada murid tanpa ragu dengan personaliti serta komitmen terhadap agama Islam (Tamuri & Ajuhary, 2010).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan Rasulullah SAW berupaya menyumbang kepada pembentukan modal insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, dan spiritual. Melalui penerapan kaedah ini, murid didapati lebih mudah memahami dan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang diterapkan dalam PdP. Kajian ini mendapati bahawa murid yang menerima bimbingan berdasarkan metode ini berpotensi menunjukkan peningkatan dalam aspek disiplin, sikap hormat kepada guru serta keterlibatan aktif dalam proses pembelajaran.

Selain itu, keberkesanan metode Rasulullah SAW dalam meningkatkan pemahaman murid turut diperhatikan dalam dapatan kajian ini. Guru-guru yang mengaplikasikan kaedah penyampaian interaktif dan berpusatkan murid mendapati bahawa pelajar lebih berminat dan mudah memahami topik yang diajarkan. Kaedah seperti bercerita (*qasas al-anbiya'*) dan penggunaan perumpamaan didapati dapat membantu murid menghubungkan konsep pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar, seterusnya meningkatkan daya ingatan dan kefahaman mereka.

Dalam konteks implikasi terhadap kualiti pendidikan Islam di SRAJAIM, kajian ini mencadangkan bahawa pelaksanaan metode pendidikan Rasulullah SAW dapat diperkukuhkan melalui latihan berterusan terhadap guru-guru. Program pembangunan profesionalisme guru yang menekankan aplikasi metode ini secara sistematik mampu meningkatkan keberkesanan PdP, seterusnya melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak tinggi dan berdaya saing dalam persekitaran global.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyokong kepentingan penerapan metode pendidikan Rasulullah SAW dalam PdP guru-guru SRAJAIM sebagai pendekatan yang relevan dalam membentuk murid yang holistik, berdisiplin, berakhlak dan memiliki jati diri Islam yang kukuh.

Kesimpulan

Pendidikan sebagai agenda utama pembentukan nilai akhlak dan modal insan membuktikan bahawa guru-guru SRAJAIM tidak terkecuali dalam mendokong agenda negara melalui aplikasi pendidikan gaya Rasulullah SAW semasa PdP berlangsung. Meskipun menghadapi kekangan masa, teknologi dan capaian internet, namun pendekatan seperti *talaqqi*, soal jawab dan motivasi tetap dapat dilaksanakan secara bersemuka mahupun dalam talian. Kajian ini mencadangkan agar latihan sistematik dan pemerksaan digital guru diberi keutamaan untuk memastikan kesinambungan nilai dan keberkesanan PdP dalam konteks pendidikan Islam pada abad ke-21. Pengalaman guru-guru membuktikan bahawa PdP Rasulullah SAW yang diaplikasikan membantu meningkatkan disiplin, minat dan kefahaman murid.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas sokongan pembiayaan di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) No. Fail RMC: 600-RMC/FRGS5/3 (159/2022), bertajuk *Model Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Berasaskan ICT Guru SRA JAIM Berteraskan Metod Pendidikan Rasulullah SAW*.

Rujukan

- Abu Ghuddah, A.F. (2001). *Nabi Muhammad Guru dan Pendidik Terunggul*. Seremban: al-Azhar Media Ent.
- Asik Ev, H. (2017). Learning-teaching methods of the Prophet Muhammad (P.B.U.H.). *Journal of International Social Research*, 10(50), 462–466. <https://doi.org/10.17719/jisr.2017.1679>
- Astuti, Y.T. (2025, 10 Julai). Metode pembelajaran tadarruj dan Relevansinya terhadap pendidikan dasar islam (Studi Pemikiran Ibnu Khaldun). Retrieved from E-Theses IAIN Curup: <http://e-theses.iaincurup.ac.id/id/eprint/5966>
- Bahagian Pendidikan JAKIM. (2019). *Kurikulum Standard Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) (Isu 112)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hashim, C. N. (2008). Kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah SAW demi menjana pendidikan yang berkesan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13(1), 61–79. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/29468>
- Islamic Education Management System (IEMS). (2024). e-RS – Sistem Pengurusan Pendidikan Islam. <https://iems.melaka.gov.my/eRs/index.php/auth/login>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2025). Bahagian Pendidikan [Profil]. Portal Rasmi JAKIM. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-pendidikan/profil>
- Mat Daud, H., Yusuf, A., & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(9), 75–89. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/42427>
- Momen, A. (2024). Education in Islam: Comprehensive insights into concepts, nature, goals, and principles. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(3), 3710–3723. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.803268S>
- Rohana, N., A., M., Sulaiman, N., A., M., Halim, F., H., Surtahman, A., W., Razak, A., Q., A. & Rameli, M., F., P. (2024). The 5M Approach in 21st Century Islamic Education. *International Conference on Research in Education and Science (ICRES)*, Volume 1, Pages 1-2823 (pp. 1668 - 1679). Antalya, Turkiye: ISTES.
- Saaran, R. (2020). *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*. Batu Caves: Must Read Sdn. Bhd.
- Tamuri, A.H. & Ajuhary, M.A.A. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 43-56. <https://jiae.pimm.my/wp-content/uploads/2018/07/21-14.pdf>
- Tengku Kasim, T.S.A., Mohd Noor, N.E. & Md Yusoff, Y. (2022). Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam. *Sains Insani 2022, Special Issue*, 63-71. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.448>
- Zhahir, F. I. (2020). *Nabi sang guru (Abu Athiyyah, Trans.)*. Jawa Timur: Alfasyam Publishing.
- Zulherma, Z., Tafiati, T., Sumiarti, S., & Wendry, N. (2021). Konsep pendidikan Rasulullah dan refleksi pada kompetensi holistik sahabat. *Qalamuna: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Agama*, 13(2), 411–428. <https://doi.org/10.37680/qalamuna.v13i2.909>